

KUALA LUMPUR, 27 MAC (BERNAMA) — SISTEM PERHUBUNGAN PERUSAHAAN YANG ADA SEKARANG DI NEGARA INI PERLU DIKAJI SEMULA KERANA DIDAPATIDIDAPAT!

TIDAK BERGITU MEMUASKAN, KATA TIMBALAN PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

BELIAU MEMBERITAHU DEWAN RAKYAT BAHAWA SISTEM SEKARANG MEMBUKA PELUANG KEPADA ANASIR-ANASIR JAHAT UNTUK MENGGUNA KESEMPATAN PERTIKAIAN PERUSAHAAN BAGI TUJUAN JAHAT MEREKA.

MENJAWAB SOALAN DATUK HAJI ABU BAKAR UMAR (PAS-KOTA SETAR) TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA DI DEWAN RAKYAT KERAJAAN AKAN Mencari JALAN MENGHALANG ANASIR-ANASIR TERSEBUT DARI MENGGUNA KESEMPATAN SEUMPAMA ITU.

MENGENAI KENYATAANNYA TENTANG PENUTUPAN MAS, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA ITU ADALAH SEBAGAI JAWAPAN KEPADA SOALAN YANG DIKEMUKAKAN OLEH PARA WARTAWAN.

--BERSAMBUNG HM 1630

EE

P565

PARLIMEN-MAS 2 KUALA LUMPUR

BELIAU BERKATA IA DITANYA JIKA SEMUA USAHA GAGAL DAN PEKERJA MAS ENGGAN MENYELESAIKAN MASALAH MEREKA DENGAN MAJIKAN, APAKAH YANG AKAN DIRUAT OLEH KERAJAAN.

+SAYA MENJAWAB JIKA SEMUA USAHA GAGAL KERAJAAN TIDAK MEMPUNYAI JALAN LAIN MELAINKAN MENUTUP MAS+, KATANYA.

KALI KEDUA KENYATAAN SEUMPAMA ITU DIPUAT TALAH SEBAGAI JAWAPAN KEPADA SOALAN -- SAMA ADA KERAJAAN SERIUS UNTUK MENUTUP MAS.

JAWAPNYA, JIKA SEMUA USAHA GAGAL TENTULAH KERAJAAN TERPAKSA DENGAN SERIUSNYA MENUTUP MAS.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA, KERAJAAN TIDAK LERTANGGUNG JAWAB TERHADAP CARA JAWAPAN YANG DISIARKAN OLEH AKHDAR.

+SAYA TIDAK MEMBERI AMARAN AKAN MENUTUP MAS, SAYA CUMA MENJAWAB SOALAN PEMBERITA,+ KATANYA.